

# Pembinaan 177 PEDi baharu sudah diluluskan - Annuar

Beberapa syarikat disenarai pendek untuk urusan tender bagi projek itu

## KOTA BHARU

Pembinaan 177 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) baharu sudah mendapat kelulusan dan akan dibina seterusnya beroperasi menjelang tahun hadapan, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata, beberapa syarikat juga telah disenarai pendek untuk urusan tender bagi projek tersebut.

"Saya difahamkan dua atau tiga syarikat telah disenarai pendek dan terpulang kepada Jawatankuasa Perolehan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk melantik satu atau dua daripada syarikat berkenaan.



Annuar (kanan) meninjau operasi di Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) pada Majlis Bersama Komuniti PEDi di Kampung Kadok Dalam pada Isnin.

"Dijangkakan peruntukan hampir RM300 juta diperlukan untuk membina dan mengoperasikan PEDi baharu ini," katanya pada sidang akhbar selepas hadir Majlis Bersama Komuniti PEDi di Kampung Kadok Dalam di sini pada Isnin.

Sementara itu, Annuar berkata, Fasa 1

Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) di kawasan Kadok telah menunjukkan pencapaian yang cukup baik.

"Sebanyak 529 premis sudah mempunyai akses perkhidmatan jalur lebar dengan 21 stesen pemancar sudah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G," katanya. - Bernama

Rela main peranan penting kawal keselamatan negara

**LARUT** - Kepentingan peranan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dalam mengawal keselamatan negara tidak dapat dinafikan apabila mereka berjaya menyumbang kepada tangkapan pelbagai kes rentas sempadan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, antara tangkapan yang berjaya dilakukan termasuklah cubaan membawa masuk dadah dan keselahan pemer dagangan manusia ke negara ini.

"Semua itu telah berhasil antaranya melalui kerjasama dengan menjadi mata dan telinga yang kita lakukan melalui anggota Rela sendiri serta latihan yang diberikan," katanya kepada media dalam satu temu bual.

Beliau yang juga penyandang Ahli Parlimen Larut berkata, sejak ini hampir 1,000 anggota Rela telah menjalani latihan termasuk kemahiran menggunakan senjata bagi tugas dan operasi di kawasan berisiko. - Bernama



Ahmad Fauzi (tengah) bersama pakar-pakar dalam pelbagai bidang pembangunan standard berkumpul pada forum di sebuah hotel di Sepang bagi membincangkan dan memperkasa pembangunan standardisasi dalam memacu ekonomi negara.

## JSM galak golongan profesional muda terlibat bidang standardisasi peringkat antarabangsa

**SEPANG** - Jabatan Standard Malaysia (JSM) menggalakkan penyertaan golongan profesional muda dalam bidang standardisasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi memastikan sistem standardisasi negara menjadi lebih teratur pada masa hadapan.

Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia (MSDAM), Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan berkata, selain golongan profesional muda juga akan menjadi progresif dan responsif kepada keperluan semasa serta cabaran di peringkat global.

"Ini amat kritikal bagi memastikan pembangunan dokumen *Malaysian Standard* (MS) setiap tahun mencapai

jumlah yang disasarkan iaitu sebanyak 403 MS pada tahun 2021 dan pada tahun 2022 sasaran adalah sebanyak 350 MS dapat dibangunkan.

"Soal penglibatan pakar-pakar muda ini turut dibincangkan dalam forum ini," katanya pada Forum Bersama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Standard di sini pada Isnin.

Seramai 200 pakar dalam bidang standardisasi yang terdiri daripada Pengerusi dan pakar Jawatankuasa Pembangunan Standard di bawah JSM berjaya dihimpunkan pada forum berkenaan.

Turut hadir, Ketua Pengarah JSM, Shaharul Sadri Alwi dan Pengarah Kanan Bahagian Standardisasi, Hussalmizzar

Hussain.

Menurutnya, komitmen dan usaha pakar dalam membangunkan standard yang dapat menjamin kualiti dan kesejahteraan rakyat Malaysia sewajarnya dipuji dan diberi penghargaan.

"Hal ini jelas menunjukkan bahawa pakar-pakar di bawah JSM memikul amanah yang cukup mencabar untuk menjadikan standard yang dibangunkan mampu bersaing pada peringkat global," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmad Fauzi memaklumkan pengajuran forum itu juga bagi membincangkan perkara berkaitan pengurusan dan aktiviti standardisasi.

"Ini bagi menambah baik proses sedia ada agar ia dapat memenuhi kehendak

pakar selaku tunjang utama proses pembangunan standard.

"Antara perkara lain dibincangkan adalah pembangunan standard yang perlu mengambil kira elemen sains iklim dan menyokong matlamat pembangunan mampar (SDG), insentif dalam bidang standardisasi, program promosi dan keperluan kepakaran dalam bidang-bidang yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara pesat," jelasnya.

Beliau berharap menerusi pengajuran forum itu, pakar-pakar dapat mencabar diri sendiri selain memastikan diri dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran yang bersifat holistik.